

28 Januari 2020

Semua Ketua Jabatan

Negeri Perlis



**SURAT PEKELILING BENDAHARI NEGERI PERLIS
BILANGAN 1 TAHUN 2020
PENUTUPAN AKAUN BULANAN 2020**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan/PTJ berkenaan dengan tarikh penutupan akaun bulanan Perbendaharaan Negeri Perlis.

2. Bagi melancarkan proses penutupan akaun bulanan, Perbendaharaan telah menetapkan tarikh penutupan akaun bulanan seperti di Lampiran A. Sehubungan dengan itu, tuan/puan hendaklah memastikan tindakan berikut diambil perhatian sebelum penutupan akaun bulanan dilakukan:-

- 2.1 Semua transaksi pada hari terakhir bekerja bagi bulan yang berkenaan dilakukan dan disempurnakan sebelum jam 5.00 petang.
- 2.2 Semua proses perakaunan terimaan termasuk cetakan Resit Perbendaharaan dibuat sebelum jam 5.00 petang pada hari terakhir bekerja bulan tersebut.
- 2.3 Semua pembayaran melalui Akaun Transit Panjar Bendahari Negeri bagi bulan yang sama ditunaikan dengan segera sebelum tamat operasi harian bank pada hari terakhir bekerja bulan tersebut.
- 2.4 Menyemak kedudukan peruntukan dan maklumat tanggungan belum selesai di dalam Laporan Harian Buku Vot.

- 2.5 Mengambil tindakan pelarasan ke atas perakaunan terimaan atau bayaran agar dapat diselesaikan dalam bulan yang sama.
3. Kerjasama tuan/puan dalam mematuhi tarikh penutupan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan tahun 2020 berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

[AHMAD IRWAN BIN BAHARUDDIN c.A(M)]

Bendahari Negeri

Perlis

s.k 1. YB Pegawai Kewangan Negeri Perlis

2. Pengarah

Jabatan Audit Negara Malaysia

Negeri Perlis

TARIKH PENUTUPAN AKAUN BULANAN TAHUN 2020

BULAN	TARIKH PENUTUPAN AKAUN	TARIKH TERAKHIR TRANSAKSI DILAKUKAN
JANUARI	31.01.2020 (JUMAAT)	31.01.2020 (JUMAAT)
FEBRUARI	28.02.2020 (JUMAAT)	28.02.2020 (JUMAAT)
MAC	31.03.2020 (SELASA)	31.03.2020 (SELASA)
APRIL	30.04.2020 (KHAMIS)	30.04.2020 (KHAMIS)
MEI	29.05.2020 (JUMAAT)	29.05.2020 (JUMAAT)
JUN	30.06.2020 (SELASA)	30.06.2020 (SELASA)
JULAI	30.07.2020 (KHAMIS)	30.07.2020 (KHAMIS)
OGOS	28.08.2020 (JUMAAT)	28.08.2020 (JUMAAT)
SEPTEMBER	30.09.2020 (RABU)	30.09.2020 (RABU)
OKTOBER	30.10.2020 (JUMAAT)	30.10.2020 (JUMAAT)
NOVEMBER	30.11.2020 (ISNIN)	30.11.2020 (ISNIN)
DISEMBER	31.12.2020 (KHAMIS)	31.12.2020 (KHAMIS)